Utusan Borneo: 21.11.2026

Gurauan bertukar pergaduhan di tempat awam, dua sahabat didenda RM1,000

MIRI: Gurauan dua sahabat memakan diri apabila masing-masing didenda RM1,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana bergaduh di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas kedua-dua tertuduh, Sylvester Morris Danson, 23, dari Sibuti dan Geojerry Yohanes Dendra, 22, dari Taman Jelita di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadap mereka mengikut Seksyen 160 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda maksimum RM1,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, pada jam 12.55 tengah hari, 16 November lalu, semasa berada di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri, ASP Nicodemus Branking menerima satu rakaman video berdurasi 57 saat daripada orang awam yang memaparkan kejadian pergaduhan melibatkan sekumpulan lelaki di tempat awam.

Hasil siasatan lanjut mendapati kedua-dua tertuduh merupakan rakan karib dan telah berkenalan lebih empat tahun.

Sebelum kejadian, mereka minum bir bersama beberapa rakan di Rumah Asap Taman Tunku sebelum saling mencabar untuk bertumbuk.

Mereka kemudian pergi ke Jalan Bukit, Taman Jelita untuk bertumbuk namun tiada kecederaan berlaku.

Tindakan mereka bagaimanapun menimbulkan suasana gempar dan mengganggu lalu lintas serta tular di media sosial.

Dihadapan mahkamah, kedua-dua tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertama mereka.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.